

Tindakan undang-undang di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 boleh diambil terhadap pihak yang menyalahgunakan internet sekiranya menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Selain itu, penyebaran kandungan yang boleh menimbulkan kebencian, menggugat ketenteraman awam dan kestabilan negara seperti provokasi agama dan kaum juga boleh diambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957 dan Kanun Keseksaan.

Menyedari hakikat bahawa undang-undang yang lebih ketat bukanlah satu jalan penyelesaian terbaik dalam usaha membendung perlakuan tidak buruk pengguna Internet, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil langkah proaktif dengan mendidik dan meningkatkan kesedaran pengguna Internet tentang kepentingan penggunaan Internet secara positif serta mengalakkan pengawalseliaan sendiri oleh pengguna Internet menerusi kempen 'Klik Dengan Bijak' dan kempen 'Media Sosial Sihat'. Harus diingatkan bahawa bukanlah satu perkara yang mudah bagi pihak berkuasa khususnya SKMM untuk mengawalselia dan membendung setiap kelakuan pengguna dalam talian terutamanya yang melibatkan media sosial seperti *Facebook*, *MySpace*, *Friendster* dan sebagainya. Peranan dan keprihatinan ibu bapa serta masyarakat sekeliling dalam mengawal aktiviti Internet anak-anak khususnya generasi Y juga amat diperlukan bagi melahirkan generasi yang bukan sahaja celik IT tetapi juga yang lebih bertanggungjawab dalam setiap perlakuan mereka.